

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

SOALAN :

YB Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta PERDANA MENTERI menyatakan kejayaan pelaksanaan bantuan Tangki Air 1Malaysia dan berapakah jumlah tangki air yang telah diedarkan di Kota Samarahan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Projek Pembekalan Tangki Air Ke Negeri Sabah dan Negeri Sarawak telah mula dilaksanakan pada tahun 2012. Sehingga tahun 2014 sebanyak 83,334 unit tangki air telah diagihkan kepada penduduk Negeri Sarawak manakala sebanyak 75,920 unit tangki bagi penduduk Negeri Sabah. Bagi tahun 2015, dianggarkan sebanyak 30,000 unit lagi akan diagihkan kepada penduduk Negeri Sarawak manakala sebanyak 10,000 unit lagi untuk penduduk Negeri Sabah menjadikan jumlah keseluruhan untuk Negeri Sarawak sebanyak 113,334 unit tangki dan Negeri Sabah sebanyak 85,920 unit tangki air.

Secara keseluruhan, projek pembekalan tangki air telah berjaya menyediakan kemudahan tadahan air kepada penduduk sebagai langkah sementara mengatasi masalah bekalan air di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Bagi kawasan Kota Samarahan, sejak tahun 2012 sehingga 2014, sebanyak 2,190 unit tangki telah dibekalkan ke kawasan tersebut.

Sekian. Terima kasih.